

(<https://news.usm.my>)

Berita Mutakhir

10
AUG

KURSUS SINGKAT ELEMEN KAS (KNOWLEDGE, ABILITY, SKILL) DALAM PENGURUSAN SUMBER MANUSIA



The banner features a green and white geometric design. On the left, it lists logos for USM, APEX, SOARING UPWARDS, and the course code YYG103. The main title is 'ELEMEN K.A.S DALAM PENGURUSAN SUMBER MANUSIA'. Below the title, it states 'TERBUKA KEPADA SEMUA' in a red circle, 'JUMAAT, 11 OGOS 2017 8.30 PAGI - 12.00 TGH', '3 MATA CPD', and 'DEWAN BANQUET CANSELORI II, BGN. E42 KAMPUS INDUK'. On the right, there is a portrait of Dr. Junaimah Binti Jauhar, a female in a black hijab, with her name and title 'Pensyarah Pusat Pengajian Siswazah Perniagaan (GSB)' below it.

Pusat Transformasi Insan (PTI) menjemput semua yang terlibat dalam pengurusan sumber manusia di universiti, pusat pengajian, pusat tanggungjawab dalam mana-mana agensi untuk mengikuti Kursus Singkat Elemen KAS (Knowledge, Ability, Skill) Dalam Pengurusan Sumber Manusia pada hari Jumaat, 11 Ogos 2017, 8.30 pagi - 12.00 tengah hari di Dewan Bankuet USM.

Kursus akan dikendalikan oleh Pensyarah Kanan Graduate School of Business (GSB) USM Dr. Junaimah Jauhar yang mempunyai kepakaran dalam Pengurusan Sumber Manusia, Organisational Behaviour dan Intellectual Capital Development.

Dr. Junaimah juga terlibat aktif dalam Pengurusan Dana Pasaran Saham untuk Lembaga Urusan Tabung Haji, Permodalan Nasional Berhad, KWSP, dan pelbagai agensi.

Beliau pernah menjadi Pengurus Kanan di Amsteel Securities.

Beliau turut terlibat dalam aktiviti akademik di Dubai, Australia, Kanada, Indonesia dan banyak negara lain.

Kepakaran beliau membawanya terlibat melatih staf agensi awam dan industri swasta di bawah Executive Development Programme dalam Soft Skills termasuk Social Skills, Presentation Skills, Interpersonal Skills, Business and Office Etiquette, Dining Etiquette and Grooming.

Yang berminat hubungi Pusat Transformasi Insan USM segera.

Teks: Mohamad Abdullah (PTI, USM)



Share This

Pusat Media dan Perhubungan Awam / Media and Public Relations Centre

Level 1, Building E42, Chancellory II, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang Malaysia

Tel : +604-653 3888 | Fax : +604-658 9666 | Email : pro@usm.my (<mailto:pro@usm.my>).

Laman Web Rasmi / Official Website : [Universiti Sains Malaysia \(http://www.usm.my\)](http://www.usm.my).

[Client Feedback / Comments \(http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp\)](http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp) | USM News Portal. Hakcipta Terpelihara USM 2015